



FOTO

Sesi Lawatan ke Perkampungan Orang Asli Limbungan, Tasik Bera, Pahang

FOTO | 02 OKTOBER 2021



YB Senator Tengku Datuk Seri Utama Zafrul Tengku Abdul Aziz, Menteri Kewangan telah berkesempatan mengadakan lawatan ke Perkampungan Orang Asli Limbungan, iaitu salah satu perkampungan kaum Semelai di kawasan Ramsar Tasek Bera, Pahang untuk sesi jelajah [#Bajet2022](#) Negeri Pahang.





Tujuan lawatan tersebut bukan sahaja untuk mendapatkan input bagi kepentingan memelihara ekosistem flora dan fauna Tasik Bera terhadap komuniti Orang Asli tempatan malah juga untuk mendapatkan maklum balas mengenai keperluan mereka bagi memastikan kelangsungan hidup.



Selain itu, [#TeamMOF](#) juga telah menyumbang sebanyak 24 telefon pintar untuk anak-anak Orang Asli bagi memudahkan sesi pembelajaran dalam talian. Walaupun sesi persekolahan akan bermula tidak lama lagi, beliau berharap agar kemudahan sebegini akan membantu mereka untuk membuat ulang kaji sambil memahirkan diri dengan teknologi semasa.





Bagi beliau, pelbagai pihak harus bekerjasama untuk merealisasikan Tasek Bera sebagai sebuah tapak pelancongan eko terkemuka di Pahang, bukan sahaja pihak berkuasa malah penduduk tempatan dan pelancong yang harus menjaga dan menghormati khazanah alam ini. Dengan kerjasama sebegini, pembangunan ini pasti akan memberi impak positif langsung yang berpanjangan kepada penduduk tempatan dan komuniti Orang Asli Tasek Bera.

[#TeamMOF](#) akan meneliti sepenuhnya cadangan dan pandangan yang diajukan demi kesejahteraan

[#KeluargaMalaysia](#).





Tengku Zafrul

Team MOE

Bajet 2022

Keluarga Malaysia

[Siaran Media](#)

[Bajet 2023](#)

[Koleksi Ucapan](#)

[Petikan Akhbar](#)

[Foto](#)

[Video](#)

[Pengumuman](#)

[Laporan LAKSANA](#)

[Tender](#)

POPULAR TAGS

BERNAMA

LAKSANA REPORT

BAJET 2023

LAPORAN LAKSANA

LAPORAN KEWANGAN RAKYAT

ANWAR IBRAHIM

PEMERKASAAN PERNIAGAAN

PRICE OF PETROLEUM

TENGKU ZAFRUL

KERTAS KONSULTASI AWAM

HARGA MINYAK

BAJET 2022

Arkib Foto

[Seterusnya →](#)

Copyright © 2022 Kementerian Kewangan Malaysia. All Rights Reserved.

[Portal myGov](#)

[Dasar Privasi](#)

[Dasar Keselamatan](#)
[Peta Laman](#)

[Penafian](#)
[Bantuan](#)

[Dasar Privasi](#)